

18 JUN 1999

PEKERJA LADANG MAHU TINJAU SOKONGAN ANGGOTA PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Jawatankuasa Sokongan Masyarakat Ladang akan menjalankan tinjauan untuk mengenal pasti sama ada anggota-anggota Parlimen menyokong cadangan mewujudkan skim gaji bulanan dan perumahan tetap untuk pekerja ladang.

Jurucakap jawatankuasa itu S. Arutchelvan berkata, borang soal-selidik itu akan dihantar kepada semua 192 Anggota Parlimen untuk mendapatkan pendirian mereka dalam isu itu dan pekerja ladang akan dimaklumkan mengenai hasil tinjauan itu.

"Tinjauan ini juga menentukan kewibawaan politik wakil rakyat sama ada mereka serius atau sebaliknya tentang cadangan mewujudkan skim gaji bulanan dan perumahan tetap untuk pekerja ladang," katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

Beliau berkata para pekerja ladang mahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur-tangan secara langsung mengenai tuntutan mereka itu kerana ia melibatkan 800,000 pekerja ladang rakyat tempatan.

Isu gaji bulanan dan perumahan pekerja telah beberapa kali dirujuk kepada wakil-wakil kesatuan dan kerajaan tetapi belum mendapat penyelesaian yang konkrit dan adil kepada pekerja. Baru-baru ini ia menjadi isu hangat semula dengan MIC berkata ia memperjuangkan permintaan pekerja ladang itu.

-- BERNAMA

SFI PR